

NO. SOALAN : 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI AHMAD LAI
BIN BUJANG [SIBUTI]**

SOALAN :

YB Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah permohonan PR1MA berdaftar setakat Januari 2018 bagi negeri Sarawak mengikut pecahan setiap bandar utama di Sarawak, Kuching, Sibul, Miri dan Bintulu.

JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah sambutan yang diterima adalah menggalakkan. Secara keseluruhannya Sistem Pendaftaran Nasional PR1MA telah menerima PR1MA telah menerima sebanyak 1.5 juta pemohon berdaftar dari seluruh negara. Daripada jumlah tersebut sebanyak 101,238 permohonan dari Negeri Sarawak dengan pecahan pemohon di bandar utama seperti berikut;

Kuching = 39, 195 pemohon

Miri = 7,300 pemohon

Sibu = 7,008 pemohon

Jumlah pemohon selebihnya adalah daripada pelbagai bandar di seluruh Negeri Sarawak. Insyallah jumlah ini dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa apabila lebih banyak kediaman PR1MA dilancarkan di Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

RT1/34

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
DARIPADA [SIBUTI]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian membuat kajian mengenai tahap kesihatan mental pelajar-pelajar di sekolah seluruh negara dan apakah langkah Kerajaan bagi memastikan pelajar mempunyai kesihatan mental yang baik.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan kesihatan mental murid yang baik dengan melaksanakan pelbagai langkah, antaranya seperti berikut:

i. Program Minda Sihat.

Program ini bertujuan untuk pengesanan awal kesihatan murid berkaitan tahap kemurungan, *anxiety* dan stres. Murid juga diberikan Soal Selidik Kemahiran Gaya Daya Tindak (*Coping Skill*) untuk intervensi bagi

memperkasa murid menangani stres cabaran kehidupan sehari-hari dengan berkesan melalui kemahiran daya tindak (*coping skills*).

ii. Soal selidik masalah murid.

Soal selidik ini bertujuan mengenal pasti punca masalah yang menyebabkan murid berhadapan isu gangguan emosi. Hasil dapatan soal selidik masalah murid dapat membantu pihak sekolah dan ibu bapa dalam pelaksanaan program intervensi dan pembangunan diri untuk meningkatkan keyakinan murid serta kemahiran gaya daya tindak (*coping skill*) apabila berhadapan sesuatu masalah.